

31 OCT 2003

Abdullah-Ibu (Bergambar)

IBU BERSYUKUR ABDULLAH SELAMAT DILANTIK PERDANA MENTERI

KEPALA BATAS, 31 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Kailan Hassan, ibu kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, bersyukur dan terharu kerana anak sulungnya itu selamat dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia yang kelima hari ini.

Beliau juga berharap Abdullah akan melaksanakan amanah dan tanggungjawab yang diberikan kepadanya dengan baik dan terus bersikap merendah diri.

Kailan, 78, menyaksikan istiadat angkat sumpah jawatan itu menerusi siaran langsung televisyen di rumahnya di Jalan Perak di sini, dengan ditemani sanak saudara dan sahabat handai.

Beliau kelihatan tenang dan tidak menunjukkan sebarang emosi semasa menyaksikan Abdullah mengangkat sumpah jawatan di Istana Negara di hadapan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail.

Ketika ditanya oleh pemberita kemudian mengenai perasaannya, beliau sambil meletakkan tangan ke dadanya, berkata: "Saya bersyukur dan terharu.

"Saya juga mengucapkan terima kasih kepada (Tun) Dr Mahathir (Mohamad)."

Sambil menyifatkan pelantikan Abdullah sebagai takdir tuhan beliau berkata: "Berserahlah kepada Tuhan dan jangan bangga-bangga sangat dengan jawatan."

Kailan berkata sebagai seorang ibu, beliau tentulah gembira anaknya diberi kepercayaan untuk memimpin negara, lebih-lebih lagi beliau tidak pernah menduga Abdullah akan menjadi perdana menteri.

"Tidak pernah terlintas di fikiran saya Abdullah jadi Perdana Menteri," katanya.

Ditanya tentang sambutan yang diatur sempena kepulangan Abdullah ke rumahnya esok dan akan berbuka puasa bersamanya, Kailan berkata beliau hanya membuat persiapan biasa sahaja.

Katanya beliau akan meminta menantunya, Khairon Bilal, menyediakan makanan kegemaran Abdullah seperti kurma dan bubur.

"Saya dah tua, biar Khairon yang buat bubur dan makanan yang dia suka," katanya.

Kailan berkata seperti kebiasaannya, Abdullah akan mencium tangannya sebaik tiba di rumah sebelum menjamah makanan yang disediakan.

-- BERNAMA

NH ZS MAI